

TARIKH	11 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	News

Taha@U ajar hidup bermasyarakat

» 44 penuntut MARSAH didedah pelbagai pengetahuan baru

Badrul Kamal Zakaria

"Sebelum ini saya hanya melihat dari jauh, tetapi pada program ini kami berpeluang menyembelih dan melapah lembu," kata penuntut Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Shaidaizal Jamal Abdul Nasir.

Shaidizal, 23, antara 44 penuntut MARSAH yang mengikuti Program Khidmat Masyarakat Taha@U anjuran Tabung Haji (TH) dan Unit Pendidikan BH selama tiga hari di Masjid Jamek Taman Perling, di sini.

Katanya, menerusi program itu peserta turut didedahkan dengan pelbagai pengetahuan baru, terutama membabitkan amalan kehidupan bermasyarakat.

"Kami turut diajar menguruskan sesuatu program apabila dipertanggungjawabkan untuk membantu pengurusan masjid dalam majlis forum perdana ehwal-Islam yang diadakan.

"Kami berpeluang menguruskan kenduri ala-kampung selepas bergotong-royong melapah lembu selain membantu penyediaan masakan kepada tetamu," katanya.

Bagi Mohd Ayob Mohd Sajak, 20, beliau terharu apabila diminta menjadi imam ketika solat Maghrib.

"Ia adalah satu penghormatan besar kepada diri saya. Selain itu, saya seronok kerana dapat mengeratkan hubungan dengan masyarakat setempat," katanya.



Saya seronok kerana dapat mengeratkan hubungan dengan masyarakat setempat"

Mohd Ayob Mohd Sajak,
Penuntut Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)